

09 DEC 1996

PERMOHONAN TERTANGGUH AKAN DIBINCANG DI MESYUARAT MT

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno bulan depan akan membincangkan permohonan 120,000 anggota bekas Parti Melayu Semangat 46 untuk menyertainya setelah majlis itu tidak bersetuju dengan hasrat mereka mahu menubuhkan cawangan sendiri di kawasan yang telah ada cawangan Umno.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini berkata mesyuarat itu akan membincangkan langkah seterusnya yang perlu diambil oleh bekas anggota S46 ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Browns Clock Shop di sini, beliau berkata walaupun pada dasarnya bekas anggota-anggota S46 itu tidak dibenarkan membuka cawangan mereka sendiri, pembukaan cawangan Umno yang baru dibenarkan bagi kawasan yang belum mempunyai cawangan Umno.

Ibu pejabat Umno sedang mengkaji permohonan itu bagi memastikan sama ada terdapat di antara pemohon yang ingin membuka cawangan di kawasan yang belum ada cawangan.

Beliau juga menasihatkan mereka yang permohonan mereka ditolak berdasarkan umur (di bawah 18 tahun) memohon semula apabila dapat memenuhi syarat itu. Sekitar 60,000 permohonan ditolak kerana pemohon tidak cukup umur atau kerana ada di antara mereka yang telah terdaftar sebagai anggota Umno.

Hanya 10,000 bekas anggota S46 diterima untuk menjadi anggota Umno daripada 200,000 borang permohonan menyertai Umno yang diserahkan kepada Datuk Seri Mahathir Mohamad oleh bekas presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah selepas pembubaran S46 Oktober lepas.-- BERNAMA

NI MAI